

17 MAY 2002

Hasmah-Badminton/I

SITI HASMAH UCAP TAHNIAH KEPADA PASUKAN BADMINTON NEGARA

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) hari ini mengucapkan tahniah kepada pasukan badminton negara kerana memasuki peringkat akhir Piala Thomas 2002.

"Saya bersama rakyat seluruhnya gembira dengan kejayaan itu dan ingin mengucapkan tahniah kepada mereka bagi pihak rakyat," katanya kepada pemberita selepas menyambut kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini hari ini.

Beliau berkata kemenangan 4-1 menewaskan China merupakan satu kejayaan manis kerana pemain-pemain negara masih muda.

"Adalah sukar untuk merobohkan "Tembok Besar China", mereka mempunyai pemain dalam kedudukan tiga tempat teratas ranking dunia tetapi pemain kita bermain dengan penuh kualiti dan semangat," katanya.

Beliau berkata sistem kiraan tujuh mata yang diperkenalkan memerlukan pemain lebih cergas dan pemain muda nampaknya lebih menyerlah.

"Saya harap mereka akan terus mara merangkul piala walaupun mereka belum pernah mengharungi peringkat itu lagi," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata beliau sempat berhubung dengan beberapa pemain sebelum pertarungan semalam dan meminta mereka memberikan persembahan yang terbaik.

Ditanya mengenai ganjaran yang menanti para pemain, beliau berkata belum masa dibangkitkan perkara itu kerana misi belum berakhir.

-- BERNAMA

SR AZH MOZ